



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 23 MEI 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **53 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada COVID-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak **5,912 kes** (82.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 23 Mei 2020 jam 12:00 tengah hari, terdapat **48 kes** baharu yang telah dilaporkan. Oleh itu, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **7,185 kes** dan jumlah **kes aktif** dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah **1,158 kes**. Ingin dimaklumkan daripada 48 kes baru yang dilaporkan, 4 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 44 kes penularan tempatan, 25 kes adalah bukan warganegara Malaysia di mana 21 kes telah dikesan di Depot Tahanan Imigresen (DTI) di Semenyih.

Sehingga kini, terdapat sembilan (9) kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, lima (5) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa tiada kes kematian berkaitan COVID-19 setakat ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak 115 kes (1.60 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## **RAIKAN HARI RAYA AIDILFITRI DENGAN SELAMAT**

Pada tahun ini, seluruh dunia akan sama-sama meraikan Hari Raya Aidilfitri dengan cara yang berbeza berbanding tahun-tahun sebelum ini. Khuatir dengan risiko penularan jangkitan COVID-19 di kalangan masyarakat pada Hari Raya Aidilfitri, kerajaan-kerajaan di pelbagai negara yang terkesan dengan pandemik COVID-19 telah mengambil pelbagai pendekatan berbeza dalam membenarkan umat Islam meraikan perayaan Aidilfitri dengan cara yang selamat.

Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, raikanlah Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini dengan keluarga di rumah masing-masing. Jika sebelum ini masyarakat telah biasa dengan perayaan secara terbuka, tahun ini kita raikanlah Aidilfitri dengan cara yang tertutup di rumah masing-masing dengan ahli keluarga di dalam rumah yang sama sahaja.

KKM ingin mengingatkan masyarakat bahawa Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Perayaan telah menyatakan bahawa jumlah ahli keluarga tidak boleh melebihi 20 orang pada satu hari, namun tertakluk kepada keluasan ruang rumah. Pastikan terdapat penjarakan sosial dan kebersihan diri sentiasa diamalkan.

KKM juga ingin menasihatkan masyarakat untuk menanggukkan ziarah menziarahi keluarga lain dan rakan-rakan, serta mengelak untuk menziarahi kubur. Ini termasuk perjalanan merentas negeri yang mungkin boleh mengakibatkan penularan ke kawasan yang lain terutama ke Zon Hijau. Kita perlu mengambil iktibar daripada Kluster Pengerang (di mana penyebaran COVID-19 berlaku akibat aktiviti merentas negeri) dan juga Sub-kluster Rembau (di mana penyebaran jangkitan COVID-19 didapati turut berlaku akibat aktiviti kunjung mengunjung sanak saudara).

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

Susulan itu, masyarakat dinasihatkan untuk terus mempraktikkan norma dan kebiasaan baharu. Ini bertujuan untuk memastikan jangkitan COVID-19 dapat terus dibendung. Masyarakat hendaklah mempunyai sikap dan rasa bertanggungjawab semasa perayaan ini, termasuk:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (***face mask***) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Jadikanlah perayaan yang bakal tiba sebagai perayaan tertutup antara ahli keluarga di rumah sahaja;

- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P dan nasihat-nasihat yang disarankan oleh pihak KKM iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (social distancing) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Akhir kata, KKM ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam di seluruh Negara. Kepada yang bukan Islam, selamat bercuti. Bagi mereka yang bertugas sepanjang tempoh perayaan ini, terima kasih diucapkan kepada anda semua yang berdedikasi berkhidmat untuk Negara.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

23 Mei 2020 @ 4.30 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI  
MALAYSIA  
(SEHINGGA 23 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	96
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	255
<b>SELANGOR</b>	37 (4)	1,730
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1	792
<b>MELAKA</b>	0	216
<b>JOHOR</b>	1	670
<b>PAHANG</b>	3	344
<b>TERENGGANU</b>	0	111
<b>KELANTAN</b>	0	156
<b>SABAH</b>	1	341
<b>SARAWAK</b>	0	545
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	5	1,681
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	93
<b>W.P. LABUAN</b>	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>48 (4)</b>	<b>7,185</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import